

Qalam

Bilangan 119 Zulhijjah 1379 Jun, 1960 60 sen

Marilah Berkorban

Allāhu Akbar! Allāhu Akbar! Allāhu Akbar! Wa lillāhi al-Ḥamd!

Alḥamdulillāh, kita telah memasuki lagi Hari Raya

Aidil Adha yang di dalamnya tiap-tiap umat Islam merayakannya.

Kita mengucapkan selamat berhari raya kepada sekalian

pembaca-pembaca khasnya dan Ikhwān al-Muslimīn amnya.

Alḥamdulillāh, tiap-tiap tahun kita telah menyeru Ikhwān

al-Muslimīn supaya mengambil perhatian tentang ertinya korban

dan sekali ini kita hanya berseru kepada sekalian umat

Islam supaya kita membanyakkan amal daripada berkata-kata.

Marilah kita berusaha menghidupkan *ukhuwwāh Islāmiyyah*

dan menghidupkan jiwa tauhid di dalam dada kita dan

anak-anak kita semoga dengan jiwa yang ada itu kelak semangat

pengorbanan – mengorbankan segala-galanya untuk kemuliaan agama

akan timbul dan dapat diamalkan oleh kita – *Āmīn*.

Mina al-‘Āidīn al-Fāizīn al-Maqbūlīn.

Allāhu Akbar! Allāhu Akbar! Allāhu Akbar! Wa lillāhi al-Ḥamd!

Perkembangan Agama di Persekutuan Tanah Melayu

Persekutuan Tanah Melayu, agama Islam telah diakui

sebagai agama rasmi negara; tiap-tiap istiadat negara maka

umumnya istiadat agama dibuat, seperti doa dan

seumpamanya dengan secara agama Islam. Baharu-baharu ini, di dalam

bulan *Ramaḍān al-Mubārak*, dengan anjuran Tengku Abdul Rahman

Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Peraduan *al-Qur’ān*

bagi seluruh Tanah Melayu diadakan.

Kita bersyukur atas perhatian Tunku terhadap kepada

acara itu yang dengannya berpuluh-puluh ribu wang dibelanjakan

kerana itu. Ini harus dibuat beliau adalah kerana sealiran

kegemaran beliau sendiri, yang kita tahu bahawa semenjak

di Kedah lagi beliau sangat-sangat mengambil berat di dalam perkara

ini.

Tetapi sebahagian daripada orang-orang Islam yang

kasihkan agamanya, setelah memandang bahawa tidak ada sesuatu

gerak atau usaha yang lain yang dijalankan untuk menunjukkan

bahawa Persekutuan Tanah Melayu, agama rasminya agama Islam,

tidak berpuas hati. Setengah-setengah mereka telah pun mengeluarkan

perkataan bahawa adakah menuju kepada dasar Islam sebagai

agama rasmi itu hanya memadai dengan mengadakan Peraduan

Al-Qur’ān sahaja atau dengan istiadat-istiadat sedikit yang lain?

Pandangan orang-orang yang cintakan agamanya ini sebenarnya

ada mempunyai asas-asas yang baik iaitu selalulah mereka memandang

perkara yang ada dijalankan di dalam perjalanan pemerintahan

sekarang di dalam hal yang mengenai pelajaran-pelajaran agama.

Perasaan tidak puas hati terhadap perhatian

kepada ajaran agama Islam itu sebenarnya telah pun sampai

ke Majlis *Parliament* Persekutuan. Mereka telah terasa bahawa

dasar-dasar penjajah untuk menghapuskan pelajaran agama

dan huruf Melayu sebagai asas pelajaran menyampaikan

pelajaran agama itu zahirnya dipandang sebagai sesuatu

perkara di antara ada dengan tidak sahaja.

Ini dapat dibuktikan bahawa apabila kita perhatikan

bahawa guru-guru Melayu di sekolah-sekolah umum itu banyak yang tidak

sempurna menulis huruf Melayu – dan mereka adalah

sama ada tepat, atau tidak tepat, digalakkan mengutamakan huruf

Rumi daripada huruf Melayu (Jawi) sehingga kalau guru

sendiri tidak berapa tahu menulis huruf Melayu,

bagaimana diharap murid-muridnya akan dapat menulis huruf

Melayu.

Hal ini bertambah-tambah lagi apabila kita perhatikan

Dewan Bahasa dan Pustaka, semenjak daripada ditubuhkan,

nampaknya tidak sebuah pun menerbitkan buku yang bertulis

Melayu bahkan kalau dikaitkan pula perjalanannya dengan